




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **82 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **57,829 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 140 menjadikan jumlah kumulatif 56,305 orang. Seramai 908 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 274 orang di hospital, 633 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon jingga ke zon merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lapan (8) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Tiada **kluster** baru direkodkan hari ini.

6 Daripada 82 kes positif COVID-19, sebanyak 61 kes (74.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lapan (8) kes (9.8%) saringan bergejala, tujuh (7) kes (8.5 %) dari kluster baharu dan sedia ada serta enam (6) kes (7.3%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,961 unit

- Hospital 531 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 22.92%.

B PERUBAHAN STATUS SABAH DARI PKPP KE PKPB

- 1 Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk mengisyiharkan PKPB di beberapa buah negeri termasuk Sabah.
- 2 Status PKPB bagi Negeri Sabah akan berkuat kuasa **mulai 29 April 2021 sehingga 17 Mei 2021**.
- 3 Kerajaan Negeri memutuskan untuk **mengekalkan sekatan rentas Zon** seperti yang ada sekarang.
- 4 Kerajaan Negeri memutuskan untuk mengekalkan SOP yang ada sekarang bagi mempercepatkan usaha memulih sektor ekonomi sejauh mana tidak menghalang usaha membentras penularan virus COVID-19.

C PENAMATAN PKPD DI TIGA PERKAMPUNGAN DAN TAMAN PERUMAHAN DI TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga perkampungan dan taman perumahan di Tawau yang dijadualkan tamat esok, 28 April 2021.
- 2 Ketiga-tiga perkampungan dan perumahan tersebut iaitu:
 - Kampung Ranggu Batu 10, Mukim Balung
 - Fasa Dua Taman Semarak, Mukim Sri Tanjung
 - Kampung Tanjung Batu Keramat
- 3 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 265 ujian saringan dan lapan (8) positif COVID-19 di Kampung Ranggu Batu 10, Mukim Balun, Fasa Dua Taman Semarak, 160 ujian saringan (9 positif) manakala di Kampung Tanjung Batu Keramat, 102 ujian saringan (24 positif).

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di ketigatiga lokaliti tersebut pada 28 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

D PELANJUTAN PKPD DI KAMPUNG BARU PASIR PUTIH, MUKIM SRI TANJUNG, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau yang dijadualkan tamat esok, 28 April 2021.
- 2 Sehingga ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 847 ujian saringan, 23 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Selain itu, KKM memaklumkan, masih terdapat banyak sampel ujian saringan sedang menunggu keputusan serta penularan masih berlaku di lokaliti ini.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, Sabah bermula 29 April sehingga 12 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

E PKPD PPR BATU 2 LORONG HABIB ABDUL RAHMAN, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di PPR Batu 2 Lorong Habib Abdul Rahman, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 48 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 15 orang daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mengesahkan penularan kes masih berlaku di lokaliti tersebut dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPR Batu 2 Lorong Habib Abdul Rahman, Tawau, Sabah berkuat kuasa 28 April sehingga 11 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesahan awal kes serta membendung penularan dalam kalangan penduduk di kawasan terlibat.

F **PKPD PPR BT. 8 JALAN APAS, TAWAU**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini juga telah melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di PPR Bt. 8 Jalan Apas, Tawau
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 27 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 18 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan penularan jangkitan berlaku di lokaliti tersebut dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPR Bt. 8 Jalan Apas, Tawau, Sabah berkuat kuasa 28 April sehingga 11 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk yang terlibat dan seterusnya untuk mengekang penularan COVID-19 ke komuniti luar.

G PKPD DI KOMPLEKS ABEDON (BUMIWEALTH, KOLOPIS DAN TANAKI), KINABATANGAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kompleks Abedon (Bumiwealth, Kolopis dan Tanaki), Kinabatangan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 103 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 13 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan secara mendadak dalam tempoh satu minggu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kompleks Abedon (Bumiwealth, Kolopis dan Tanaki), Kinabatangan, Sabah bermula 28 April sehingga 11 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal terhadap kontak rapat dan penduduk yang terlibat untuk mengelakkan penularan COVID-19 ke komuniti luar.

H PKPD DI FELDA UMAS, KALABAKAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini COVID-19 di FELDA Umas, Kalabakan.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 21 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 52 ujian saringan dilakukan KKM di lokaliti tersebut.
- 3 KKM juga memaklumkan masih berlaku penularan kes di lokaliti itu dan terdapat 19 ujian saringan masih menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan PKPD di FELDA Umas, Kalabakan, Sabah berkuat kuasa 28 April sehingga 11 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk lokaliti yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan PKPD dan tidak menjangkiti komuniti di luar PKPD, serta pengesanan awal untuk diasingkan secepat mungkin.

I STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **202** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,269** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **89** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **43,180** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **825** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **10,041** orang.
- 4 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,734** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **452,138** (mysejahtera 406,087 : laman web 45,795 : talian vaksinasi 256) bersamaan 15.4%.

J BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **312,546** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

K LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 60 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 25,187 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 226 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 14 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Satu (1) orang : Tiada Penjarakan Sosial
 - Enam (6) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - Tiga (3) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
 - Empat (4) orang : Membawa penumpang berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 216 lokasi melibatkan seramai 192 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 51 anggota di 62 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Kota Belud, Kota Kinabalu dan Sandakan .
- 7 Sejumlah 79 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 409 hebahan di seluruh Sabah.

L KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 98% |
| 2 | Beluran | 98% |
| 3 | Beaufort | 98% |
| 4 | Tenom | 98% |
| 5 | Kota Marudu | 98% |
| 6 | Kota Belud | 98% |
| 7 | Kudat | 97.5% |
| 8 | Lahad Datu | 97% |
| 9 | Kunak | 97% |
| 10 | Sipitang | 97% |
| 11 | Papar | 97% |
| 12 | Kinabatangan | 97% |
| 13 | Ranau | 97% |
| 14 | Keningau | 97% |
| 15 | Tuaran | 97% |
| 16 | Penampang | 97% |
| 17 | Kota Kinabalu | 96.5% |
| 18 | Tawau | 96% |
| 19 | Sandakan | 96% |

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

27 APRIL 2021